

1982

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TIDAK MENOLAK KEMUNGKINAN MALAYSIA MENGAMALKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DAN MEMBERI JAMINAN KEPADA ORANGRAMAI BAHAWA MEREKA TIDAK PERLU GUSAR.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKARANGPUN ASPEK-ASPEK KONSEP PERADILAN ISLAM TERDAPAT DALAM UNDANG-UNDANG BERSAMA (COMMON LAW) DI NEGERI INI.

+MALAHAN KITA TELAH PUN MENGAMALKAN PERATURAN-PERATURAN PERORANGAN UNDANG-UNDANG ISLAM IALAH UNDANG-UNDANG PERORANGAN ISLAM+, KATANYA DALAM SATU TEMUDUGA KHAS SEMPENA DENGAN ULANGTAHUN PERTAMA BELIAU MEMEGANG TERAJU PEMERINTAHAN NEGARA ESOK.

PERDANA MENTERI BERKATA RAMAI ORANG YANG RISAU MENGENAI KEMUNGKINAN INI KERANA TIDAK BEGITU MEMAHAMI ISLAM.

+MEREKA MELIHAT AMALAN-AMALAN YANG MELAMPAU DITEMPAT-TEMPAT LAIN DAN MEREKA MENGANGAP BAHAWA ITULAH YANG AKAN KITA LAKUKAN DI SINI+.

+KITA AMAT MUNASABAH DI NEGERA INI. KITA TIDAK CUBA MEMAKSA BUKAN ISLAM MENERIMA APA YANG BERTENTANGAN DENGAN PEGANGAN HIDUP MEREKA+, KATANYA.

+KITA TIDAK MAHU MENEKANKAN KEHENDAK KITA. INI ADALAH TIDAK WAJAR DILAKUKAN TETAPI MUNGKIN SESUATU MASA SEMUA ORANG AKAN MENERIMA ISLAM DAN PADA KETIKA ITU TIDAK AKAN TIMBUL MASALAH+, KATANYA.

-- LAGI 1425/AN

B591

MAHATHIR-ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DITANYA MENGENAI PADANGAN KABINETNYA TERHADAP PERKARA INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MEREKA NAMPAKNYA TIDAK KHUATIR MENGENAI PERKARA INI.

+MEREKA TIDAK LANGSUNG MENIMBULKAN PERKARA INI. MEREKA TAHU APA YANG KITA AMALKAN DI NEGERA INI ADALAH SEBVAI DENGAN KONSEP PERADILAN MEREKA DAN DENGAN KONSEP PERADILAN ISLAM.

+HANYA MANA UNDANG-UNDANG YANG BERTENTANG DENGAN KONSEP UNDANG-UNDANG ISLAM SEPENUHNYA MAKA IA AKAN DIFIKIRKAN SEMULA+.

+TETAPI APA YANG DAPAT SAYA LIHAT IALAH PENJANAYAH-PENJENAYAH ADALAH DI HUKUM BAIK DALAM ISLAM ATAUPUN SISTEM LAIN+, KATANYA.

SEORANG WARTAWAN BERTANYA SAMADA UNDANG-UNDANG ISLAM BERERTI MEREKA YANG DIDAPATI BERSALAH MENCURI AKAN DIPOTONG TANGAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BANYAK NEGARA ISLAM TIDAK MENGAMALKANYA.

INI TERNYATA KERANA IA HAMPIR TIDAK MUNGKIN UNTUK SAMPAI MEMBENARKAN KEADAAN-KEADAAN BAGI MENJATUHKAN HUKUMAN SEPERTI ITU.

+MALAHAN SEKIRANYA KITA MEMPUNYAI UNDANG-UNDANG ISLAM DI NEGERA INI, KITA MENJADI LEMBUT PULA DAN ORANGRAMAI MUNGKIN AKAN MELAKUKAN PERBUATAN MENCURI.

+INI KERANA UNDANG-UNDANG ISLAM MEMERLUKAN EMPAT ORANG SAKSI ISLAM YANG BAIK UNTUK MENJATUHKAN HUKUMAN KEPADA SESEORANG+, JELASNYA.

--BERGAMBUNG 1428/AN

SEBELUM ITU, APABILA DITANYA MENGENAI PENDAPATNYA TENTANG MASA DEPAN PERANAN ISLAM DI NEGERA INI, PERDANA MENTERI BERKATA ISLAM AKAN MERUPAKAN FAKTOR UTAMA KESTABILAN NEGARA INI DI MASA DEPAN.

IA AKAN MENJADI SAUH YANG KUAT BAGI KITA. JIKA KITA MENGIKUTI AJARAN ISLAM SEBENARNYA MAKAN NEGARA AKAN MENJADI BEGITU DISIPLIN DAN BIJAK.

+IA AKAN MENJADI KITA BEGITU KUAT DAN DAPAT MEMPERTAHANKAN DIRI SENDIRI DAN TIDAK SEPERTI SEKARANG YANG KITA HANYA DAPAT MEMUNGGUT DERMA APABILA SESUATU PERISTIWA BERLAKU DI NEGERA-NEGERA ISLAM YANG LAIN+, KATANYA.

--BERNAMA 1430/AN